

14 NOVEMBER 2017

Geng samun tumpas

DARI JOHOR

35

Geng samun tumpas

7 lelaki ditahan termasuk 2 remaja sudah tidak bersekolah

AZLINA OTHMAN

KULAI - Kumpulan penjenayah dikenali Geng Temenggong yang aktif melakukan kegiatan samun, pecah rumah dan ragut sekitar daerah sejak awal tahun ini tumpas dengan tertangkapnya tujuh lelaki, Khamis lepas.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintendant Razak Md Said berkata, kesemua mereka yang ditahan dalam dua serbuan berasingan kira-kira jam 3 pagi itu berumur 15 hingga 27 tahun termasuk dua remaja sudah tidak bersekolah.

"Bertindak atas maklumat kes pecah rumah di kawasan Kulai, sepasukan anggota Balai Polis Kulai diketuai Inspektor Hairi Rosli membuat dua serbuan berasingan di kawasan perumahan flat Temenggong dan berjaya menahan ketujuh-tujuh suspek itu.

"Kita turut merampas beberapa barang dipercayai digunakan untuk melakukan kegiatan terbabit termasuk parang dan topi keledar selain barang disyaki hasil kegiatan itu yang keseluruhananya berjumlah RM20,000,"



Razak menunjukkan parang digunakan untuk melakukan kegiatan jenayah oleh Geng Temenggong.

INFO

- Dipercayai melakukan lebih 20 kes pecah rumah, samun dan ragut

katanya pada sidang media, semalam.

Razak berkata, polis turut mengenal pasti seorang lagi suspek dipercayai anggota kumpulan itu yang ma-

sih bebas dan akan membuat tangkapan dalam tempoh terdekat.

"Kumpulan ini mendedahkan penglibatan mereka dalam kegiatan berkenaan sejak awal tahun 2017 dan dipercayai melakukan lebih 20 kes pecah rumah, samun dan ragut.

"Hasil siasatan awal mendapat tiga daripada suspek yang ditahan mempunyai rekod lampau berkaitan kes je-

nayah dan dadah," katanya.

Beliau berkata, ujian air kencing mendapati lima suspek turut positif dadah.

"Antara modus operandi mereka adalah menyasarkan pekerja warga asing dan wanita yang sedang menunggu untuk pergi kerja pada awal pagi," katanya.

Beliau berkata, kesemua suspek kini ditahan reman hingga Rabu ini untuk siasatan lanjut.